

CNS3870

R GB 11-08 00170 BH537

MAHATHIR MAHU KONSUL BESAR BANTU TARIK PELABUR

Mahathir - Konsul (Dengan Gambar)

I

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu konsul besar terhormat dan konsul terhormat Malaysia di luar negara membantu menarik pelaburan ke negara ini.

Dalam pertemuannya dengan 21 konsul dan konsul besar itu di sini hari ini, Perdana Menteri menekankan bahawa dasar luar Malaysia kini lebih kepada menggalakkan ekonomi, perdagangan, pelancongan dan pelaburan.

Konsul besar dan konsul dari 16 negara, kesemuanya bukan rakyat Malaysia, berada di sini menghadiri persidangan enam hari yang bermula semalam. Semasa persidangan itu mereka akan diberi taklimat mengenai dasar Malaysia dan arah aliran baru dalam hubungan luar negara.

+Perdana Menteri mahu mereka terus memberikan kerjasama dan sumbangan sepertimana yang dilakukan selama ini,+ kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi kepada pemberita selepas mesyuarat itu di Hotel Shangri-La.

Abdullah berkata Dr Mahathir juga memuji mereka kerana menggalakkan imej serta perdagangan dan pelancongan Malaysia di negara masing-masing. --
Lagi

♥11/08/21-19MST

CNS3871

R GB 11-08 00049 BH538

Bah

Mahathir - Konsul 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga menjelaskan kepada mereka bahawa Malaysia kini lebih menumpukan kepada meningkatkan perdagangan dengan negara lain, katanya.

+Apa yang ditekankan oleh Perdana Menteri ialah Malaysia mengalu-alukan lebih banyak pelaburan,+ kata Abdullah. -- Bernama

♥11/08/21-21MST